



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35 - 22 (69)
Tarikh : 29 April 2016

SEGERA DENGAN FAKS DAN POS

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H Dato`/Tuan,

**ARAHAN SYARAT-SYARAT LESEN MESTILAH DICOP DI DALAM BUKU LESEN
VESEL DAN PERALATAN MENANGKAP IKAN
(PEKELILING PELESENAN BIL. 6/2016)**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia telah menerima kes tangkapan vesel-vesel penangkapan ikan tempatan daripada Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di atas beberapa kesalahan yang melanggar syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan di bawah seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985. Walau bagaimanapun setelah semakin lanjut dilakukan oleh Pejabat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia mendapati tiada sebarang **butiran atau cop syarat-syarat tersebut** di dalam lesen vesel-vesel berkenaan. Oleh yang demikian, kesemua vesel berkenaan telah **dibebaskan (no further action / NFA)**, termasuklah hasil lelongan ikan turut dikembalikan.
3. Sehubungan itu, Ibu Pejabat Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia rasa bertanggungjawab untuk memaklumkan perkara ini kerana bimbang kekerapan kes tangkapan yang dibebaskan akan memberikan imej yang kurang baik dan menjejaskan kredibiliti Jabatan, hanya disebabkan syarat-syarat serta dasar pelesenan yang tidak diselaraskan di dalam buku lesen di peringkat negeri.
4. Justeru itu, Ibu Pejabat Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia memohon agar pihak Y.H Dato`/Tuan dapat segera mengambil tindakan pembetulan bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan pihak agensi penguatkuasa dan rasa tidak puas hati serta persepsi yang negatif dikalangan nelayan.

5. Selaras dengan itu, Y.H Dato`/Tuan diminta untuk mengambil maklum dan tindakan selanjutnya ke atas arahan ini dan memaklumkan kepada semua kakitangan unit pelesenan di peringkat negeri dan daerah berhubung pekeliling pelesenan ini yang **berkuatkuasa serta-merta** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

6. Segala kerjasama dan tindakan daripada Y.H. Dato`/Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

Y.H Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)


Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Ketua Cawangan, Bahagian Pengurusan Sumber

Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia

Semua Pegawai Perikanan, Bahagian Pengurusan Sumber



Ketua Cawangan Operasi Teknikal dan Laman Web
Bahagian Pengurusan Maklumat
PUTRAJAYA

(u.p: Pn. Shuhaiza Aszrin Binti Mohd Kasim)

- Sila pihak tuan memuatnaik pekeliling ini ke dalam laman web Jabatan.

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan